

## ABSTRAK

Peradaban Islam Melaka sering diperlihatkan sebagai warisan gemilang yang amat bernilai dan berharga di rantau alam Melayu daripada tahun 1400 sehingga 1511. Tradisi penulisan historiografi Melayu, Portugis, dan British sering merakamkan kegemilangan Peradaban Islam Melaka, pengaruhnya ke atas rantau tersebut, dan kemasyhurannya di persada antarabangsa. Walaupun demikian, kegemilangan dan keunggulan Peradaban Islam Melaka akhirnya terkubur daripada lipatan sejarah peradaban manusia apabila tewas di tangan kuasa Portugis pada tahun 1511. Kajian ini merupakan satu usaha menyoroti kembali fenomena kejatuhan Peradaban Islam Melaka dan kebangkitan kuasa Portugis berdasarkan kerangka teori kitaran Ibn Khaldun mengenai bangun jatuhnya peradaban dunia. Bab pendahuluan menyentuh tentang permasalahan dan kepentingan kajian. Bab ini juga mengemukakan tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu mengenai topik ini dan metodologi yang digunakan di dalam kajian ini. Bab kedua menyentuh tentang pengenalan ilmu ketamadunan dan kemunculan pusat-pusat Peradaban Melayu Islam di rantau Nusantara. Bab ketiga menumpukan perbincangan terhadap teori kitaran Ibn Khaldun, *al-'Umran* yang didasarkan kepada ajaran kitab suci al-Quran. Teori ini mengetengahkan pendapat beliau bahawa kezaliman dan penyalahgunaan kuasa oleh para pemerintah akan mengakibatkan keruntuhan semua peradaban. Peradaban Islam Melaka tidak terkecuali daripada undang-undang tersebut. Bab keempat menegaskan bahawa faktor-faktor ini merupakan penyebab utama di sebalik kemerosotan dan kejatuhan Peradaban Islam Melaka di tangan Portugis. Bab kelima memperkatakan mengenai kebangkitan kuasa Portugis di Melaka. Bab terakhir mengemukakan beberapa *'ibar* (pengajaran) daripada peristiwa kejatuhan Peradaban Islam Melaka.

## ABSTRACT

Malacca was indeed a unique Islamic civilization in the Malay Archipelago that dominated the region from 1400 to 1511. Malay, Portuguese, and British historiography records the greatness of this civilization, its civilizational impact in the region, and its fame that spread well beyond its frontiers. Nonetheless this civilization fell in the year 1511 at the hands of the Portuguese imperialists. This study attempts to contextualize the fall of Malacca and the rise of the Portuguese power within Ibn Khaldun's unique cyclical theory of the rise and fall of world civilizations. The introductory chapter states the scope of the problem and the significance of the study. It also gives a review of the literature on the subject and explains the methodology adopted. The second chapter gives an introduction of the civilizational knowledge and discusses the rise of Malay Islamic civilizational centres in the Malay region. Chapter three is devoted to a discussion of Ibn Khaldun's cyclical theory of *al-'Umran* that is firmly grounded on the teaching of the holy Quran. It highlights his belief that the oppression and corruption of the rulers would ultimately lead to the collapse of all civilizations. Malacca was no exception to this rule. Chapter four argues that this factor was the driving force behind the decadence and ultimate collapse of Malacca at the hands of the Portuguese. The fifth chapter deals with the establishment of the Portuguese colonial rule in Malacca, while the conclusion draws some *'ibar* (lesson) from the collapse of this Islamic civilization.